

Lelaki

didakwa

pecah rumah dan curi serta salah guna dadah

MIRI: Mahkamah Majistret menetapkan 20 Januari depan untuk sebutan lanjut kes seorang lelaki yang dituduh melakukan pecah rumah dan curi serta terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Sehubungan itu, tertuduh diperintahkan dibebaskan dengan jaminan RM4,500 berserta seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Alexson Sanggau, 37, dari Bandar Baru Permyjaya di sini, telah didakwa mengikut Seksyen 457 Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara lima tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa melakukan pecah rumah dan curi dengan memecah masuk ke sebuah rumah kepunyaan Muhammad Firdaus Donny Kanchau dan mencuri seutas rantai emas.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 2.35 pagi, 21 Disember lalu di sebuah lot di Lorong Pahlawan 2A/1, Taman Jelita, Taman Tunku di sini.

Manakala dalam kes kedua, tertuduh telah didakwa di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15(1) akta sama kerana terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952, jika sabit kesalahan.

Menurut pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 8.40 pagi, 23 Januari 2023 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Miri.

Pendakwaan kes dikendalikan pegawai pendakwa ASP Mary Ong di hadapan Majistret Sandy Yvette Freddy menerusi sidang Zoom.